



Malaysia, Indonesia lawat AS atasi isu sawit



TAN Sri Bernard Dompok (lapan dari kiri) bersama delegasi Malaysia dan Indonesia semasa lawatan ke Amerika Syarikat, baru-baru ini. Turut kelihatan M. Nagarajan (empat dari kiri), Datuk Dr Choo Yuen May (lima dari kiri) dan Tan Sri Dr Yusof Basiron (enam dari kiri).

Oleh Rosidah Radzian
rosidah.usa@gmail
Pengurus Wilayah, MPOB Amerika

WASHINGTON D.C: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok bersama delegasi Malaysia dan Indonesia telah mengadakan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat (AS) bagi membincang dan menangani isu bersama berkaitan minyak sawit kedua-dua negara.

Lawatan itu diadakan pada 21 hingga 28 Mac 2012 baru baru ini dan merupakan lawatan bersama kali kedua. Turut menyertai delegasi Malaysia adalah Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), M. Nagarajan, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dan Ketua Eksekutif MPOC, Tan Sri Dr Yusof Basiron.

Objektif utama lawatan bersama itu adalah untuk mengunjungi Agensi Perlindungan Alam Sekitar Amerika Syarikat (EPA) bagi membincang dan menyuarakan kebim-

Suarakan kebimbangan pengumuman EPA

bangun kedua-dua negara berhubung dengan pengumuman EPA mengenai laluan biodiesel berasaskan sawit di bawah mandat bio-bahan api boleh diperbaharui (RFS2).

EPA pada awal tahun ini telah mengumumkan minyak sawit tidak layak digunakan sebagai bahan mentah untuk menghasilkan

Model yang diguna pakai oleh EPA adalah tidak bersesuaian untuk analisis laluan minyak sawit kerana model ini adalah berdasarkan laluan biodiesel berasaskan minyak soya

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

biodiesel boleh diperbaharui di bawah mandat RFS2. Berdasarkan analisis EPA, minyak sawit tidak memenuhi keperluan minimum penjimatan pelepasan GHG sebanyak 20 peratus seperti yang digariskan oleh RFS2 untuk biofuel konvensional.

Semasa perbincangan, Tan Sri Bernard Dompok memberi penjelasan mengenai pelaksanaan amalan mampan di semua peringkat rantaian pengeluaran minyak sawit oleh industri dan langkah kawal selia yang ketat oleh Kerajaan Malaysia bagi menghasilkan minyak sawit.

Beliau berkata analisis yang dilakukan oleh EPA adalah kurang tepat dan tidak menggunakan maklumat terkini. Analisis itu juga tidak menggambarkan keadaan sebenar yang berlaku di dalam industri sawit masa kini kerana data yang digunakan tidak bersesuaian.

“Model yang digunapakai oleh EPA adalah tidak bersesuaian untuk analisis laluan minyak sawit

kerana model ini adalah berdasarkan laluan biodiesel berasaskan minyak soya,” katanya.

Tan Sri Bernard Dompok memberi jaminan data-data terkini dari Malaysia akan di serah kepada EPA untuk digunakan bagi mengkaji semula laluan biodiesel berasaskan minyak sawit. Cadangan itu dipersejutujui oleh pihak EPA dan melanjutkan masa untuk memberi komen mengenai laluan biodiesel berasaskan minyak sawit sehingga 27 April 2012.

Delegasi Malaysia dan Indonesia juga mengadakan perjumpaan dengan pegawai tertinggi Jabatan Pertanian Amerika Syarikat dan Wakil Perdagangan Amerika Syarikat.

Semasa perbincangan, delegasi menyuarakan kebimbangan kedua-dua negara mengenai implikasinya terhadap perdagangan minyak sawit dan akses pasaran ke Amerika Syarikat lanjutan dari pengumuman EPA itu.

Perbincangan dua hala turut diadakan bersama Jabatan Buruh Amerika Syarikat (US-DOL) mengenai laporan buruh paksa yang telah diterbitkan oleh agensi tersebut. Laporan US-DOL itu mencemarm imej negara dan juga industri sawit Malaysia. MPIC akan berkerjasama dengan US-DOL bagi menangani masalah itu.

Aktiviti terakhir lawatan itu adalah perbincangan meja bulat bersama agensi bukan kerajaan (NGO) dan juga pihak berkepentingan yang diaturkan oleh Hudsons Institute di Washington D.C.

Fokus perbincangan adalah isu berhubung kemampanan, perubahan iklim, pembangunan minyak sawit di Malaysia dan kesan terhadap pertumbuhan ekonomi negara dan ekonomi global.

Tan Sri Bernard berkata, Malaysia akan menghasilkan minyak sawit dan mengeksport ke pasaran global melalui pengurusan sumber asli yang cekap dan mencapai keharmonian secara seimbang antara pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar.

Hello Komoditi disambut baik golongan belia di Putatan

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

PUTATAN: Program Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) yang dilangsungkan di Dewan Kompleks Rakan Muda, di sini, baru-baru ini dikunjungi lebih 800 peserta terdiri daripada belia

dan pelajar institut pengajian tinggi berhampiran.

“Daerah Putatan, Sabah, adalah destinasi keempat Program Hello Komoditi yang dipilih Kementerian saya bagi tahun 2012,” kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, sewaktu semasa berucap merasmikan program itu.

Sebelum ini, Program Hello Komoditi menjelajah ke Daerah Sipitang dan Kuala Penyu di Sabah juga Kerian di Perak.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, program ini adalah antara pendekatan diambil Kementerian dan agensinya untuk menyalurkan maklumat terkini mengenai industri perladangan komoditi negara.

Ia sejajar objektif utama penganjuran Program Hello Komoditi, iaitu bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai, khususnya golongan belia dan pekebun kecil mengenai kepentingan tanaman komoditi seterusnya menarik minat mereka untuk menceburi sektor perladangan dan komoditi.

Ini termasuk pembabitan di pe-

ringkat aktiviti hiliran komoditi seperti pembuatan ais krim, coklat, biskut dan bahan kosmetik daripada sawit dan koko, sarung tangan getah, kertas dan bahan pembungkusan makanan daripada pokok kenaf dan juga industri pembuatan perabot.



Minda
Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

INDUSTRI sawit merupakan tunggak penyumbang ekonomi Malaysia. Namun begitu, industri ini sentiasa terancam oleh serangan penyakit dan perosak. Serangga seperti ulat bungkus dan kumbang badak adalah serangga perosak utama sawit di Malaysia. Pendapatan pekebun sawit dan ekonomi negara boleh terjejas sekiranya serangan serangga perosak ini tidak diberi tindakan yang segera. Pekebun sawit perlulah bersikap proaktif dalam menangani masalah serangga perosak. Mengenalpasti kewujudan perosak dan corak serangan pada peringkat awal adalah amat kritikal dalam mengawal sesuatu perosak. Ini adalah kerana kelewatan dalam mengenalpasti serangan dan membuat kawalan boleh meningkatkan risiko perosak merebak ke kawasan sawit bersebelahan.

Ulat bungkus sering menjadi ancaman di beberapa negeri di Malaysia, terutamanya Perak dan Johor. Dalam kawalan ulat bungkus, MPOB memberi tumpuan kepada penggunaan ejen kawalan biologi dan pemantapan populasi musuh semulajadi. Dengan cara ini, kawalan yang berkesan dapat dikekalkan untuk jangka masa yang panjang, sekali gus mengurangkan penggunaan racun kimia dan pencemaran alam sekitar.

Hasil sawit akan terjejas sekiranya populasi perosak meningkat terlalu tinggi. Kerosakan teruk pada daun sawit akan mengakibatkan penurunan hasil sebanyak 40% bagi dua tahun berikutnya. Pada kebiasaannya, populasi perosak meningkat disebabkan terganggunya keseimbangan di antara perosak dan musuh semulajadinya. Musuh semulajadinya, yang terdiri dari serangga parasitoid dan pemangsa, berfungsi untuk mengawal populasi perosak ini di bawah tahap kerosakan ekonomik. Tanaman berbunga yang mengeluarkan madu seperti *Cassia coganensis* dan *Turnera subulata* merupakan sumber makanan dan tempat perlindungan bagi musuh semulajadi tersebut.

Apabila populasi perosak sudah meningkat terlalu tinggi, maka cara yang berkesan untuk mengawalinya ialah melalui semburan udara *Bacillus thuringiensis* (BT). BT bukanlah racun kimia yang toksik, tetapi merupakan sejenis bakteria yang khusus untuk mengawal ulat bungkus. MPOB telah membangunkan pengeluaran BT tempatan pada peringkat loji rintis. Isolat BT tempatan ini adalah setanding dengan racun kimia dalam kawalan ulat bungkus. Produk berasaskan BT ini adalah selamat kepada pengguna dan alam sekitar.

Kawalan ulat bungkus juga boleh dilakukan dengan menggunakan perangkap lekat yang memerangkap rama-rama dewasa ulat bungkus. Kawalan cara ini boleh digabungkan dengan kawalan semburan BT tadi, disebabkan BT hanya mengawal larva yang memakan daun. Peringkat kepompong yang mengandungi betina dewasa boleh digunakan sebagai umpan untuk menarik dan memerangkap rama-rama jantan dewasa. Dengan cara ini, peringkat mengawan dapat dihalang dan populasi yang hidup untuk generasi seterusnya dapat dikurangkan.

Kumbang badak pula adalah sejenis perosak yang merosakkan sawit pra-matang, khususnya di kawasan tanam semula pembakaran sifar. Perosak ini boleh dikawal dengan menggunakan kulat *Metarhizium*. MPOB dengan usahasama pihak FELDA Agricultural Services Sdn Bhd (FASSB) telah berjaya mengeluarkan produk formulasi *Metarhizium* yang disemburkan kepada kawasan pembiakannya, membunuh hampir 80% daripada populasi larva, dalam tempoh tiga bulan selepas semburan.

Dengan cara ini, kawalan kumbang badak dengan menggunakan racun kimia dapat dikurangkan disamping menjimatkan kos. Ini adalah kerana kekerapan penggunaan racun kimia adalah dua kali sebulan, berbanding dengan penggunaan *Metarhizium* ini yang boleh tahan lama selama 8 bulan, sekaligus mengurangkan peringkat larva yang berada di kawasan tersebut.

Usaha MPOB dalam kajian kawalan biologi perosak merupakan satu alternatif bagi pihak industri untuk mengurangkan kos kawalan, disamping mendapat pulangan jangka masa yang lebih panjang tanpa risiko memudaratkan alam sekitar. Dengan pulihnya keseimbangan di antara perosak dan musuh semulajadinya, maka industri sawit negara akan menjadi lebih lestari (sustainable) serta menepati garis panduan Amalan Pertanian Baik (Good Agricultural Practices).

Dengan memberi perhatian kepada kawalan serangan serangga perosak, maka ini akan memastikan bahawa usaha industri sawit untuk meningkatkan produktiviti tidak terjejas; dan sasaran hasil purata kebangsaan buah tandan segar sebanyak 26 tan sehektar setahun menjelang 2020 akan tercapai.



TAN SRI Bernard Dompok menyampaikan kupon Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) kepada pekebun kecil sawit. Turut kelihatan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawasan Bingkor, Datuk Justin Guka (tiga dari kiri), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri) dan Ketua Pengarah Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Ahmad Loman (kiri).

Koperasi Penanam Sawit Mampan Keningau dilancar

Usaha tingkat produktiviti, perkasa pekebun kecil

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KENINGAU: Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, baru-baru ini melancarkan penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Keningau, Sabah, sebagai langkah meningkatkan produktiviti dan memperkasa sektor pekebun kecil sawit negara.

Sewaktu berucap merasmikan penubuhan koperasi itu, beliau berkata, antara tumpuan diberikan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) adalah memperkukuh sektor pekebun kecil dengan meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun melalui penubuhan koperasi selain program tanam semula dan mewujudkan kelompok sawit mampan (SPOC).

Bagi program penubuhan koperasi,

Kerajaan mensasarkan penubuhan tujuh koperasi pada 2012 iaitu di Keningau, Sabah; Teluk Intan, Perak; Kuala Langat, Selangor; Maran, Pahang; Marudi, Sarawak; Port Dickson, Negeri Sembilan dan Yong Peng Utara, Johor.

Tan Sri Bernard Dompok berkata, melalui penubuhan Koperasi Penanam Sawit Mampan yang disertai pekebun kecil, aktiviti pengurusan meningkatkan produktiviti pengeluaran buah sawit bagi menjana pendapatan dapat dilaksana secara teratur melalui jalinan kerjasama secara terus dengan pengilang buah sawit.

Kerajaan mensasarkan peningkatan purata pendapatan tahunan pekebun kecil sawit sebanyak 47 peratus iaitu daripada RM4,794 sehektar pada tahun 2010 kepada RM7,047 sehektar pada 2020.

Sehingga Disember 2011, sebanyak 15 Koperasi Penanam Sawit Mampan ditubuhkan di seluruh ne-

gara meliputi Sabah, Sarawak, Melaka, Selangor, Johor, Pahang dan Perak membabitkan kawasan tanaman seluas 165,529 hektar.

Di negeri Sabah, lima koperasi ditubuhkan iaitu di daerah Tongod, Kinabatangan, Kunak, Tawau dan Beluran. Koperasi Penanam Sawit Mampan Daerah Tongod dipilih sebagai projek perintis untuk melaksanakan kerja mengumpul dan menjual buah sawit secara terus kepada kilang pemrosesan.

Industri sawit adalah satu tonggak ekonomi dan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negara, terutama memajukan ekonomi di luar bandar. Pertumbuhan pesat industri ini adalah hasil perancangan strategik dan usaha sama antara kerajaan dengan pihak industri.

Pada 2011, kawasan tanaman sawit negara mencecah 5 juta hektar, meliputi 73.2 peratus kawasan tanah pertanian negara.

Peluang dapat maklumat dan bantuan

DARI MUKA 1

Justeru, Kementerian berharap melalui penganjuran program ini, rakyat Sabah dan penduduk di sekitar Putatan dapat melihat perkembangan dalam industri perladangan dan komoditi di negara ini.

"Di samping itu mereka juga berkesempatan mendapat maklumat mengenai pelbagai bentuk peluang bantuan dan kemudahan disediakan di sektor ini untuk dijadikan sumber menjana pendapatan masing-masing.

"MPIC sentiasa komited memajukan sektor perladangan dan komoditi bagi memastikan kesejahteraan hidup rakyat dan kemakmuran ekonomi negara. Usaha ini selari dengan Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.



TAN SRI Bernard Dompok semasa merasmikan Program Hello Komoditi di Dewan Kompleks Rakan Muda, Putatan, Sabah.

MPIC melalui agensinya iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), Lembaga Koko Malaysia (LKM) dan Lem-

baga Lada Malaysia (MPB) telah dan sedang melaksanakan pelbagai program bagi merangsang pembangunan sektor ini supaya menjadi sektor yang moden dan memberi sumbangan bermakna kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

28 pelajar terima Diploma IDOPMT

Penuntut IMPAC Sabah berjaya tamatkan kursus empat bulan anjuran MPOB

KOTA KINABALU: Seramai 28 pelajar Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) yang berasal dari Sabah menerima diploma masing-masing selepas berjaya menamatkan Kursus Diploma Intensif Pengurusan Perladangan dan Teknologi Sawit (IDOPMT).

Penyampaian diploma itu disempurnakan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, sempena perasmian Seminar Pemindahan Teknologi untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), di sini, baru-baru ini.

Kursus IDOPMT yang berlangsung selama empat bulan dianjurkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di bawah naungan IMPAC, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC).

Tan Sri Bernard Dompok berkata: "IMPAC ditubuhkan pada November 2010 bertujuan melahirkan tenaga kerja berpengetahuan dan berkemahiran melalui latihan berasaskan akademik dan kemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja industri komoditi."

Katanya, beliau bimbang dengan belia lepasan pengajian tinggi yang datang berjumpa dengannya untuk mendapatkan pekerjaan.

"Mereka mungkin tidak akan mendapat jenis pekerjaan yang mereka inginkan. Jadi, mereka disa-



TAN SRI Bernard Dompok (tujuh dari kiri) bersama pelajar IMPAC dari Sabah yang menerima Diploma Intensif Pengurusan Perladangan dan Teknologi Sawit (IDOPMT).

rankan supaya menyertai kursus intensif yang disediakan IMPAC dan bekerja dalam industri perladangan.

"Sektor perladangan bukan saja menyediakan peluang pekerjaan di ladang tetapi juga di bahagian pe-

ngurusan," katanya.

Beliau berkata, pelajar yang menerima diploma hari ini berpeluang ditawarkan pekerjaan dalam bidang pengurusan di syarikat perladangan dan agensi swasta yang berkaitan.

"IMPAC akan terus menyediakan dan menganjurkan kursus sesuai seperti mana kehendak pasaran bagi menarik minat belia lepasan sekolah dan pengajian tinggi bekerja di sektor perladangan," katanya.

Katanya, penubuhan IMPAC bu-

kan saja berupaya melahirkan modal insan tempatan berkemahiran malah menggalakkan belia tempatan menceburi kerjaya di sektor perladangan, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.

Ketua Pengarah MPOB ketuai delegasi mesyuarat teknikal dengan EPA AS

Oleh Dr Puah Chiew Wei
cwpuah@mpob.gov.my

WASHINGTON, D.C: Ketua Pengarah, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datuk Dr Choo Yuen May telah mengetuai delegasi MPOB yang terdiri daripada pakar dalam bidang penilaian kitar hidup untuk mengadakan mesyuarat teknikal dengan Environmental Protection Agency (EPA) pada 22 Mac 2012 di sini. Mesyuarat teknikal ini telah diadakan sempena Misi Bersama Malaysia-Indonesia ke Amerika Syarikat yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Malaysia, Tan Sri Bernard Dompok. Mesyuarat ini juga dihadiri oleh delegasi Indonesia. Delegasi EPA telah diketuai oleh Encik Aaron Levy, Penganalisis Program, Bahagian Pengangkutan dan Iklim.

EPA telah menerbitkan Notice of Data Availability (NODA) Concerning Renewable Fuels Produced from Palm Oil under the Renewable Fuel Standard Program (RFS 2) secara rasmi dalam Federal Register pada 27 Januari 2012. Berdasarkan NODA itu, biobahan api berasaskan sawit tidak diiktiraf sebagai bahan mentah bagi penghasilan bahan api yang boleh diperbaharu di bawah perundangan RFS 2 yang menetapkan sekurang-kurangnya 20% pengurangan pembebasan gas rumah hijau (GHG) berbanding dengan diesel petroleum. Hasil dari analisis EPA telah menunjukkan bahawa biodiesel sawit dan diesel yang bo-

leh diperbaharu berasaskan sawit masing-masing menyumbang terhadap pengurangan pembebasan GHG berbanding dengan diesel petroleum sebanyak 17% dan 11%.

Sehubungan itu, mesyuarat teknikal ini telah diadakan bertujuan mendapatkan penjelasan mengenai analisis yang telah dijalankan oleh EPA dan membincangkan data-data saintifik bagi membuktikan bahawa biobahan api berasaskan sawit menyumbang terhadap pengurangan pembebasan GHG melebihi 50%. Ini adalah berdasarkan kajian penilaian kitar hidup yang telah dijalankan MPOB dan diiktiraf oleh panel antarabangsa dan diterbitkan dalam jurnal antarabangsa.

EPA merakamkan penghargaan bagi kerjasama dan data saintifik yang telah diberikan oleh MPOB sebelum ini yang telah digunakan dalam sebahagian daripada analisa NODA tersebut. EPA sedia menerima data saintifik baru dari MPOB untuk dipertimbangkan dalam proses penyemakan semula NODA ini.

Mesyuarat teknikal ini telah membincangkan model dan andian yang digunakan oleh EPA dalam menganalisa kegunaan tanah pada masa hadapan yang berpunca daripada pelaksanaan perundangan ini. Data kandungan stok karbon bagi pokok sawit, hutan sekunder yang digunakan untuk penanaman pokok sawit dan hutan gambut yang digunakan dalam analisis itu telah dicabar oleh MPOB. Ini adalah kerana data kandungan stok karbon yang digunakan tidak menggam-

barkan keadaan sebenar di Malaysia.

Ketua Pengarah MPOB menjelaskan bahawa sehingga kini, 56% kawasan tanah adalah masih merupakan hutan simpan yang kaya dengan stok karbon. Ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan di Sidang Kemuncak Bumi di Rio pada 1992 untuk memelihara sekurang-kurangnya 50% kawasan sebagai hutan simpan.

Ketua Pengarah MPOB juga menjelaskan bahawa sektor minyak sawit merupakan salah satu Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area - NKEA) yang telah dikenal pasti bagi menyokong usaha Kerajaan melaksanakan transformasi ekonomi negara untuk mencapai negara maju menjelang 2020.

Projek permulaan (entry point project - EPP) dalam NKEA adalah bertujuan memastikan pembangunan industri yang mampan melalui peningkatan produktiviti aktiviti hulu dan perkembangan aktiviti hiliran. EPP aktiviti hulu adalah langkah bagi meningkatkan pengeluaran minyak sawit untuk memenuhi permintaan pasaran melalui penanaman semula pokok sawit dengan penggunaan bahan tanaman berhasil tinggi tanpa melalui pembukaan kawasan baru. Oleh itu, kawasan tanaman sawit yang sedia ada mampu menampung permintaan tambahan biobahan api berasaskan sawit di Amerika Syarikat.

Di samping itu, peningkatan kadar perahan minyak dan pemerangkapan biogas dari efluen kilang sa-



DATUK Dr Choo Yuen May (tiga dari kanan sebelah kanan) bersama delegasi MPOB semasa mesyuarat dengan Environment Protection Agency di Washington DC Amerika, Syarikat.

wit juga sedang giat dilaksanakan. Kerajaan Malaysia juga telah menyediakan pelbagai insentif untuk menarik minat pelabur terutamanya dalam penjana tenaga yang boleh diperbaharu dari biogas untuk penyambungan kepada grid nasional. Ini jelas menunjukkan komitmen Kerajaan dalam usaha mengurangkan pembebasan GHG dalam mitigasi perubahan iklim dan pemanasan global.

EPA juga telah memberi penjelasan yang lebih terperinci mengenai pengagihan beban pembebasan GHG kepada isirung sawit. Walaupun minyak isirung sawit boleh digunakan sebagai bahan mentah untuk penghasilan bahan api yang boleh diperbaharu, proses ini adalah tidak ekonomi disebabkan aplikasinya yang lebih bernilai tambah dalam industri makanan dan bukan makanan yang lain.

MPOB juga telah mencadangkan dua pathway untuk dipertimbang-

kan oleh EPA, iaitu pathway dengan proses pemerangkapan biogas dan pathway tanpa proses pemerangkapan biogas di kilang sawit.

Secara keseluruhannya, mesyuarat teknikal tersebut membolehkan pihak EPA memahami dengan lebih mendalam langkah-langkah dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh industri sawit negara bagi menjamin pembangunan industri sawit yang mampan. Sehubungan itu, MPOB akan mengemukakan ulasan secara bertulis untuk dihantar kepada EPA pada masa yang telah ditetapkan dengan mengambil kira penjelasan yang telah diberikan oleh pihak EPA. Ini adalah bagi memastikan akses pasaran produk-produk berasaskan sawit seperti biodiesel sawit ke Amerika Syarikat tidak terjejas akibat pelaksanaan perundangan RFS 2. Ini membolehkan industri sawit negara terus berdaya saing dan berdaya maju.



Oleh Nik Aznizan Nik Ibrahim
aznizan@mpob.gov.my

Kepupusan habitat hidupan liar diatasi

Zoo Victoria setuju jalin kerjasama pulihara orang utan



DATO' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (dua dari kanan) berbincang dengan Pengerusi Zoo Victoria, Andrew EJ Fairley (dua dari kiri). Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).

MELBOURNE: Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, mengadakan pertemuan dengan Pengerusi Zoo Victoria, Andrew EJ Fairley, baru-baru ini bagi membincang program kerjasama menangani masalah kepupusan habitat hidupan liar terutama orang utan.

Pertemuan dan perbincangan itu diadakan di Zoo Melbourne, Australia, yang turut dihadiri Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Konsul Besar Malaysia ke Melbourne, Dr Rameez Yahya.

Pertemuan penting itu diadakan bagi membincangkan program kerjasama yang boleh dilakukan kedua-dua pihak berkaitan industri sawit Malaysia terutama bagi menangani masalah kepupusan habitat hidupan liar.

Pada Ogos 2009, Zoo Victoria melancarkan kempen dikenali sebagai Don't Palm Us Off. Kempen ini dilancarkan bertujuan mendedahkan tindakan boleh dilakukan pengguna di Australia bagi usaha pemuliharaan orang utan.

Kempen ini menasaskan supaya proses pengeluaran minyak sawit dibuat secara mampan dan ini dilakukan dengan melabelkan secara mandatori produk makanan yang mengandungi minyak sawit.

Kempen Don't Palm Us Off ini menarik ramai selebriti untuk turut serta dan mempelawa orang ramai menurunkan tandatangan mereka bagi menolak dan tidak mengguna produk yang mengandungi minyak sawit.

Sewaktu perbincangan, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad menegaskan Malaysia komited terhadap pemuliharaan hidupan liar terutamanya habitat orang utan yang

semakin pupus.

Kerajaan Negeri Sabah dan industri sawit Malaysia bekerjasama dengan badan bukan kerajaan termasuk Zoo Victoria di dalam program pemuliharaan hidupan liar di Sabah.

Beliau turut berkongsi empat isu teras yang dibincangkan pada sesi panel Sabah Wildlife Conservation Colloquium yang turut dihadiri Ke-

tua Pegawai Eksekutif Zoos Victoria, Jenny Gray.

Isu-isu itu ialah pembunuhan hidupan liar sifar, koridor eko pelancongan yang bertanggungjawab, mengekalkan koridor hidupan liar di ladang-ladang dan membentuk sekutu (alliances) untuk memantau dan mengutip tabung bagi program pemuliharaan.

Di akhir pertemuan, beliau turut

menyampaikan pelan tindakan untuk melindungi habitat orang utan, gajah dan badak kepada Pengerusi Zoo Victoria.

"Saya akan menghubungi pemilik dan pengerusi syarikat perladangan sawit yang beroperasi di sepanjang Sungai Kinabatangan dalam usaha mewujudkan koridor hidupan liar di ladang mereka", ujar beliau.

MPOB, MEOA bincang hala tuju penyelidikan

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KUALA LUMPUR: MPOB dan Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (Malaysian Estate Owners Association - MEOA) mengadakan forum membincang strategi dan hala tuju penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dilaksanakan MPOB bagi memastikan pembangunan dan kemajuan industri sawit berkembang secara sihat dan berdaya saing.

Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad sewaktu berucap merasmikan forum berkenaan berkata, interaksi melalui forum seperti itu selaras strategi dan pendekatan berterusan MPOB bagi bertukar maklumat dan pendapat dengan pihak industri mengenai aktiviti R&D yang dilaksanakan MPOB.

Selain itu, perbincangan isu berkaitan buruh asing, bahan tanaman sawit, penyakit sawit terutama Penyakit Reput Pangkal Batang dan Ganoderma, mekanisasi ladang, Levi Keuntungan Luar Biasa, Skim Penstabilan Minyak Masak dan sta-



DATO' Seri Utama Shahrir Abdul Samad semasa Forum MPOB-MEOA. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (dua dari kiri), Dr Ahmad Kushairi Din (kiri) dan Presiden MEOA, Boon Weng Siew (dua dari kanan).

tus pelaksanaan Projek Permulaan (EPP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) juga dibincangkan.

Dato' Seri Utama Shahrir berkata, industri minyak sawit adalah penyumbang utama kepada kemajuan ekonomi negara dengan lebih 70 peratus tanah pertanian negara masa kini ditanam tanaman komoditi ini.

Tahun 2011, keluasan tanaman sawit negara mencecah 5 juta hektar dengan pengeluaran minyak sawit mentah berjumlah 18.91 juta tan. Jumlah eksport produk berasas

sawit pula berjumlah 24.27 juta tan bernilai RM80.4 bilion, meningkat 34.5 peratus berbanding tahun 2010 yang berjumlah RM59.79 bilion.

Beliau berkata, pelaksanaan 8 aktiviti EPP di bawah NKEA minyak sawit berjaya mencapai sasaran ditetapkan bagi 2011, tahun pertama EPP pelaksanaannya oleh Kerajaan melalui MPOB dan industri sawit.

Sepuluh aktiviti dilaksanakan di bawah EPP mencapai sasaran 100 peratus dan lebih berbanding sasaran ditetapkan sehingga 31 Disember 2011.

"Pencapaian itu merangkumi ak-

tiviti bagi mempercepatkan tanam semula sawit, meningkatkan hasil buah tandan segar, meningkat produktiviti pekerja dan penggunaan mekanisasi, meningkatkan kadar perahan minyak di kilang, memrangkap biogas dari efluen, membangunkan derivatif oleo, mengkomersialkan bio-bahan api generasi kedua dan mempercepatkan pertumbuhan sektor hiliran berasaskan makanan dan produk kesihatan," katanya.

Beliau menyeru kepada industri supaya meningkatkan produktiviti melalui penggunaan inovasi dan teknologi baru. MPOB setiap tahun menganjurkan Seminar Pemindahan Teknologi bagi memperkenalkan dan mengkomersialkan teknologi baru hasil R&D kepada industri.

Tahun 2011, MPOB melancar 25 teknologi baru dan 14 perkhidmatan untuk dikomersialkan dan digunakan oleh industri dan sehingga kini, sejumlah 500 teknologi dan inovasi baru meliputi sektor hulu, pertengahan dan hiliran industri sawit telah dibangunkan oleh MPOB.

Belia disaran jadi usahawan produk komoditi

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

BAGAN SERAI: Belia dan orang ramai yang berminat disaran menceburi bidang keusahawanan pembuatan produk berasaskan komoditi yang berupaya menjana pendapatan dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi keluarga.

Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato' Hamzah Zainudin, berkata demikian sewaktu berucap menutup Program Hello Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) di Sekolah Menengah Vokasional Krian, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, MPIC melalui agensi di bawahnya sedang mempromosi produk makanan dan bukan makanan berasaskan komoditi hasil penyelidikan untuk dikomersialkan.

Agensi seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Koko Malaysia (LKM) dan Lembaga Lada Malaysia (LLM) yang menghasilkan produk makanan berasas komoditi masing-masing berpotensi untuk dikomersialkan.

Antara produk dihasilkan MPOB adalah seperti muffin coklat, muffin pisang, coklat, biskut, ais krim dan santan berasas sawit yang mempunyai pelbagai bentuk dan rasa serta menjadi kegemaran ramai masa kini.

Produk bakeri seperti ini hanya memerlukan modal permulaan rendah di samping cara pembuatan ringkas, katanya.

"Mengikut analisis Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, perusahaan bakeri hanya memerlukan modal pelaburan yang rendah antara RM20,000 hingga RM350,000 dan berpotensi menjana keuntungan lumayan sehingga 30 peratus sebulan," katanya.

Dato' Hamzah juga berkata, MPIC masa ini menyediakan pelbagai kursus melalui Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) bagi memberi peluang kepada belia lepasan sekolah dan institut pengajian tinggi menceburi kerjaya sektor perladangan dan komoditi.

Antaranya, Kursus Pembuatan Coklat anjuran LKM, Kursus Rekabentuk dan Pembuatan Perabot serta Kursus Teknologi dan Operasi Mesin Kayu anjuran Lembaga Perusahaan Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) dan Kursus Penyelenggaraan Tapak Semaian serta Kursus Operator Mekanisasi Ladang anjuran MPOB.

Beliau berkata, "kita perlu menarik golongan muda tempatan menceburi bidang kerjaya di sektor perusahaan perladangan dan komoditi. Peluang kerjaya seperti di bidang agronomi, kejuruteraan, pengilangan dan keusahawanan ditawarkan kepada belia dan orang ramai."

Malaysia, New Zealand bincang biosekuriti, kualiti dedak isirung

MPOB, FFNZ bersetuju hebahkan aktiviti penanaman sawit mampan

Oleh Juanita Lourdes
juanita@mpob.gov.my

WELLINGTON: Malaysia dan New Zealand membincangkan isu berkaitan biosekuriti dan kualiti dedak isirung sawit serta kemampanan industri sawit Malaysia sempena lawatan kerja Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad ke sini, baru-baru ini.

Beliau yang diiringi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di New Zealand, Dato' Mazlan Muhammad; Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan Pengarah Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat MPOB, Dr Kalanithi Nesaretnam mengadakan perbincangan dengan Federated Farmers

of New Zealand (FFNZ).

New Zealand adalah pengimport kedua terbesar dedak isirung sawit Malaysia selepas Kesatuan Eropah. Pada 2011, New Zealand mengimport 568,679 tan dedak isirung bernilai RM232 juta.

Sebahagian besar dedak isirung itu dijadikan bahan mentah menghasilkan produk makanan haiwan untuk industri ternakan dalam negara di samping dieksport ke pasaran dunia, termasuk Malaysia.

Sewaktu perbincangan, wakil FFNZ menjelaskan pensijilan minyak sawit mampan yang diperakui seperti Roundtable of Sustainable Palm Oil (RSPO) mampu menangani kebimbangan pengguna New Zealand ke atas minyak sawit Malaysia dan menyanggah tohmahan

pihak Greenpeace.

MPOB dan FFNZ juga bersetuju menghebahkan aktiviti penanaman sawit mampan yang dijalankan industri sawit Malaysia dalam media massa di New Zealand.

Untuk tujuan itu, MPOB akan menyediakan maklumat yang mudah difahami dan menjelaskan aktiviti berkenaan secara telus di mana ia dapat diakses di laman sawang FFNZ.

Kedua-dua pihak akan memastikan isu kemampanan dan biosekuriti tidak dimanipulasi dan pada masa sama mengelakkan isu lain yang menjejaskan pasaran dedak isirung sawit di pasaran New Zealand.

Delegasi MPOB turut bertemu Ahli Parlimen Parti Nasional New Zealand merangkap Pengerusi Ja-

watankuasa Pengeluaran Utama, Shane Ardern.

Sewaktu perbincangan, Shahrir mengambil kesempatan meluahkan kebimbangan Malaysia terhadap tohmahan Greenpeace New Zealand yang menyatakan industri sawit menyebabkan penebangan hutan dan kemusnahan habitat orang utan.

Shahrir juga memaklumkan kepada mesyuarat bahawa industri sawit Malaysia pada masa ini mengadaptasi amalan pertanian baik dalam setiap rantaian pengeluaran minyak sawit.

Sewaktu perbincangan beliau memaklumkan pada tahun 2011, Malaysia menghasilkan 2.7 juta tan minyak sawit dan mendapat pensijilan Roundtable of Sustainable Palm Oil (RSPO).

Integrasi sawit tingkat pendapatan

Oleh Mohd Shah Ismail
mohdshah@mpob.gov.my

TANAMAN sawit memerlukan modal yang besar mulai dari peringkat awal pembersihan ladang sehingga sawit mengeluarkan hasil atau 30 bulan selepas tanam. Secara tidak langsung, ia akan menjejaskan pendapatan dan pembelanjaan pengusaha.

Oleh itu, MPOB telah menggalakkan pekebun kecil melaksanakan integrasi tanaman dengan sawit. Dengan adanya sistem ini, akan dapat membantu untuk menambahkan pendapatan pekebun kecil sambil menunggu hasil sawit di tuai.

Sebagai contoh, tanaman pisang berangan dengan sawit telah diaplikasikan oleh En Saharum B Abdul kadir di kebun beliau di kampung Lubuk Darat. Beliau juga adalah penerima Skim Bantuan Anak Benih Berkualiti (SBA-BB) oleh MPOB. Dengan keluasan keseluruhan 1.41 ha, pisang berangan yang di tanam di kebun beliau adalah sebanyak 1600 pokok disamping 200 pokok pisang tanduk sebagai percubaan.

Beliau mula menanam pada Disember 2009 dan jangkakan hasil pertama pada bulan November 2010. Menurut beliau, dengan adanya tanaman salingan ini dapat membantu menambahkan pendapatan atau sekurang-kurangnya dapat memberi pulangan modal atas kos pembangunan ladang dari peringkat awal sehingga menunggu sawit dapat dituai, di mana beliau menjangkakan dapat mengeluarkan hasil tanaman salingan ini sekurang-kurangnya untuk 2 pusingan.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Pegawai Tunas Kawasan (PTK) yang banyak membantu dalam memberi khidmat nasihat serta tunjuk ajar teknikal.

Selain itu bukan penerima SBABB sahaja yang mengambil peluang untuk menanam tanaman intergrasi bersama sawit. Bagi En Paiman Bin Suratman yang telah menanam semula di bawah Skim Insentif Tanaman Semula (SITS) dan Pakej Rangsangan Ekonomi ke-2 (PRE2) tidak melepaskan peluang untuk menanam tanaman nanas Morris di kebun beliau.

Dengan keluasan 0.8 ha, beliau telah menanam sebanyak 6000 nanas Morris di Kampung Sg Nibong, Semerah. Menurut beliau kawasan tanah gambut memang sesuai untuk tanaman nanas. Beliau merasakan tanaman nanas mempunyai pasaran yang baik dan mengikut pengalaman beliau, tanaman ini memang boleh menambahkan pendapatan beliau. En Paiman menjangkakan dapat mengeluarkan hasil 2-3 kali dalam tempoh 3 tahun.

155 pelatih ikuti KOML sesi Mac 2012

Oleh Amirullah Othman
amirullah.othman@mpob.gov.my

KERATONG: Seramai 155 pelatih mendaftar untuk mengikuti Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) bagi sesi Mac 2012 anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di bawah naungan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), di sini, baru-baru ini.

Pelatih terdiri daripada 93 orang bagi mengikuti KOML Tahap 1 dan 62 pelatih akan mengikuti KOML Tahap 2.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May yang diwakili Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) Ahmad Sidek Stroo merasmikan KOML di Dewan Plasma, pusat latihan itu.

Ahmad Sidek berkata, perkembangan pesat industri sawit negara mendorong pusat latihan itu diwujudkan bertujuan melatih golongan belia tempatan yang berminat mencubai kerjaya dalam industri komoditi ini.

"Ini selaras dasar Kerajaan bagi menggalakkan belia tempatan bekerja di sektor perladangan yang sebahagian besarnya pada masa ini dimonopoli pekerja warga asing," katanya.

Katanya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi atau Institute of Malaysia Plantation and Commodities (IMPAC) bertujuan bagi meningkatkan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja terlatih dalam rantauan industri di sektor perladangan dan komoditi.

Menurut Ahmad Sidek, KOML



TIMBALAN Ketua Pengarah (Pentadbiran) Ahmad Sidek Stroo (dua dari kanan) berbincang bersama sebahagian pelatih selepas merasmikan KOML di Dewan Plasma, Keratong, baru-baru ini.

yang bernaung di bawah IMPAC mampu melahirkan tenaga kerja mahir dan pelatih berpeluang mencubai kerjaya di sektor perladangan sawit bagi meningkatkan pendapatan dan taraf sosioekonomi mereka.

KOML yang dilaksanakan pada 2006 dengan hanya 8 pelatih katanya, kini melalui penambahbaikan daripada segi infrastruktur, kemudahan latihan dan program kursus mampu melatih sehingga 300 pelatih pada satu masa.

Beliau berkata, kursus ini memberi peluang kepada belia tempatan mempelajari teknologi mengenai jentera dan peralatan yang digunakan di ladang secara teori dan amali disamping didedahkan dengan teknik penyelenggaraan ladang sawit secara teratur.

"Kursus ditawarkan memenuhi piawaian National Occupational Skill Standard (NOSS) dan program kursus yang disediakan juga bersesuaian dengan kehendak industri sawit serta memenuhi spesifikasi

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia.

"KOML juga mendapat pengiktirafan JPK, Kementerian Sumber Manusia yang melayakkan peserta memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) di samping sijil MPOB.

"Melalui kursus ditawarkan ini, pelatih berpeluang memanfaatkan ilmu dan kemahiran diperoleh untuk menjadi usahawan bidang penjenteraan ladang atau bidang lain yang berkaitan," katanya.

Kumbang badak perosak pokok sawit

Serangga sering serang kawasan penanaman baru

Oleh Mona Ahmad
mona@bharu.com.my

KUMBANG badak (*Oryctes rhinoceros*) dikenal pasti antara serangga perosak yang menyerang pokok sawit muda dengan mengorek bahagian tajuk untuk menghisap manis di dalamnya hingga ke umbut.

Sejak dari dulu hingga kini kumbang ini banyak menyerang kawasan penanaman baru, terutama kawasan penanaman semula.

Mengikut kajian, masalah serangan kumbang badak ini semakin serius kerana ia boleh menyebabkan bahagian pucuk pokok muda mati dan membantutkan pembesaran.

Malah, serangan kumbang yang juga dikenali sebagai kumbang tanduk atau kumbang kelapa ini bukan hanya boleh menyebabkan kematian pokok tetapi jika pokok itu masih hidup ia akan kekurangan hasil sehingga 25 peratus.

Dalam usaha mengatasi masalah ini, Pegawai Penyelidik Prinsipal, Unit Perlindungan Tanaman Kumpulan Teknologi Mikrobial, Dr Ramle



KUMBANG badak yang menjadi perosak pokok sawit.

Moslim, memulakan penyelidikan bagi mengenal pasti kaedah terbaik untuk mengawal kumbang badak pada 1995.

Hasil penyelidikannya berjaya menemui kaedah terbaik yang lebih menjimatkan serta mesra alam untuk mengawal dan mengawal penularan kumbang badak dengan peng-

gunaan kulat *Metarhizium* sebagai ejen kawalan biologi.

"Pada awal kajian kita mengambil kulat *Metarhizium* ini daripada sampel kumbang badak yang sudah mati di ladang diserang dan dibawa ke makmal untuk diuji dan menjalani beberapa proses tertentu sebelum pengeluaran formulasi *Metarhizium* berjaya dihasilkan empat tahun selepas itu.

"Formulasi *Metarhizium* ini sangat berkesan membunuh kumbang badak daripada peringkat larva sehingga 100 peratus. Penggunaannya juga sangat mesra alam, tidak menjejaskan serangga lain, haiwan dan tidak mencemakan air selain ia juga tidak merosakkan biologi persekitaran," katanya.

Sebelum ini, Dr Ramle berkata, pelbagai cara diguna penanam dan pengusaha ladang sawit untuk menghapuskan koloni kumbang badak seperti menggunakan perangkap feromon, tanaman pokok kekacang dan semburan racun serangga dengan perawis aktif *Carbofuran* dan *Cypermethrin*.

Bagaimanapun, kaedah ini kurang berkesan untuk mengawal kitaran hidup kumbang badak. Malah, aktiviti tanam semula dengan kaedah penebangan pokok yang kemudian batang direcik, dikumpul dan dibiar reput di situ menggalakkan kumbang badak membiak dengan hebat.

Katanya, timbunan batang yang merupai itu dijadikan habitat pembiakan mereka yang terbaik dan seterusnya dewasa yang baru muncul menyerang semula anak pokok sawit yang baru ditanam sebagai tempat mendapatkan makanan.

Kaedah semburan racun serangga memang mampu membunuh kumbang tanduk dengan baik, tetapi semburan yang sama turut memusnahkan kumbang pendebunga sawit dan serangga lain yang diperlukan untuk proses penghasilan buah sawit.

"Penggunaan racun serangga juga mencemakan alam sekitar, bertok-



SERANGAN kumbang badak boleh menyebabkan bahagian pucuk pokok muda mati dan membantutkan pembesaran.

sik tinggi dan kosnya juga mahal kerana semburan terpaksa dilakukan berulang kali pada satu kawasan yang luas," katanya.

Keistimewaan *Metarhizium* hanya ia menjangkiti dan membunuh spesies kumbang badak dengan cara menjangkiti larva dan kumbang dewasa sebagai tempat pembiakan.

Penghasilan formulasi *Metarhizium* dalam bentuk serbuk diproses dan dikeluarkan di Pusat Teknologi *Metarhizium* (METE/C) Sungai Tekam, Jerantut, Pahang menggunakan jenama *Ory-X*.

Katanya, Felia Agricultural Services-Sdn Bhd (FASSB) menunjukkan minat mengembangkan penghasilan formulasi *Metarhizium* ini bagi mengatasi serangan kumbang badak di kawasan penanaman semula FELDA di seluruh negara dan hasilnya termerai perjanjian usaha sama (MoU) antara FASSB dengan MPOB pada 2008.

Menerusi MoU itu, MPOB membekalkan kepakaran dan teknologi untuk membantu FASSB mengeluarkan formulasi serbuk *Metarhizium* manakala FASSB pula menyediakan kemudahan infrastruktur seperti menyediakan bangunan, kakitangan, dan melakukan ujian di ladangnya bagi mengukur keberkesannya sekali lagi.

"Pengeluaran akan ditingkatkan kepada lima hingga enam tan setahun dan dengan jumlah ini, ladang luar yang berminat membeli formulasi serbuk *Metarhizium* di bawah jenama *Ory-X* bolehlah membelinya daripada FELDA," katanya.

Penggunaan *Ory-X* amat mudah dan untuk mendapatkan keberkesanan ke atas tempat pembiakan kumbang badak bagi satu hektar kawasan sawit.

"Walaupun kulat *Metarhizium* akan menjangkiti larva dan dalam masa 10 hingga 14 hari dan ia akan mati, tetapi di peringkat ladang, jangkitan berlaku agak lewat iaitu antara tiga ke lapan bulan. Apabila larva mati, tiada lagi generasi kumbang dewasa terhasil dan menyerang pokok sawit.

"Semburan juga boleh digunakan ke kawasan penanaman kelapa, atau tempat pembuangan tandan sawit kosong di dalam ladang," tambahnya.



DR RAMLE menunjukkan *Ory-X* yang mampu mencegah pembiakan kumbang badak.

mengeluarkan serbuk untuk menyebarkan ke atas kumbang badak serangga.

- Hifa muda masuk badan kumbang badak dan mengeluarkan bahan toksik yang merosakkan sistem pernafasan kumbang badak.
- Hifa merebak, membiak dan menyerang organ-organ kumbang badak menyebabkan ia tidak bernafas.
- Hifa merebak di dalam badan kumbang badak menyebabkan serangga mati dan keras.
- Selanjutnya, hifa di atas kulit kumbang badak berkecambah menjadi spora-spora.

Formula Metarhizium ini sangat berkesan membunuh kumbang badak daripada peringkat larva sehingga 100 peratus. Penggunaannya juga sangat mesra alam, tidak menjejaskan serangga lain, haiwan dan tidak mencemakan air selain ia juga tidak merosakkan biologi persekitaran

Dr Ramle Moslim
Pegawai Penyelidik Prinsipal, Unit Perlindungan Tanaman Kumpulan Teknologi Mikrobial



SALIMAH anak Kandang, mengusahakan kebun kelapa sawit seluas lebih dua hektar di Hulu Lasek, Bintangor sejak 2006.

Salimah tanam sawit, jana pendapatan RM3,000 sebulan

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bharu.com.my

SARIKE: Sebelum membuat keputusan mengusahakan tanah tiga tahun mencuba, beliau mula menuai hasilnya tahun lalu. Malah, antara Januari hingga Ogos tahun lalu, sebanyak 40.33 tan buah sawit dihasilkan dari kebunnya seluas 2.8 hektar di Bintangor, dekat sini.

"Pendapatan palaman saya kini antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan dan ia ternyata jauh lebih tinggi berbanding ketika mengusahakan lada hitam. Memang puas hati dengan hasil sekarang dan saya gembira keputusan menanam sawit juga mengubah kehidupan kami sekeluarga.

"Kini, kami tidak perlu susah hati atau memikirkan cara menyelamatkan tanaman setiap kali cuaca tidak menentu terutama ketika musim hujan kerana ia tidak memberi sebarang kesan terhadap tanaman saya, tambahan pula sawit mempunyai risiko rendah terkena serangan penyakit," katanya.

Salimah berkata, beliau kini mendapat bantuan ahli keluarganya menguruskan kebun itu terutama bagi kerja membaja, mencantas pelepah dan mengait buah.

"Kalau kerja ringan seperti meracun, saya boleh buat sendiri. Me-

buat sawit yang betul.

Ternyata Salimah membuat pilihan yang tepat kerana selepas lebih tiga tahun mencuba, beliau mula menuai hasilnya tahun lalu. Malah, antara Januari hingga Ogos tahun lalu, sebanyak 40.33 tan buah sawit dihasilkan dari kebunnya seluas 2.8 hektar di Bintangor, dekat sini.

"Pendapatan palaman saya kini antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan dan ia ternyata jauh lebih tinggi berbanding ketika mengusahakan lada hitam. Memang puas hati dengan hasil sekarang dan saya gembira keputusan menanam sawit juga mengubah kehidupan kami sekeluarga.

"Kini, kami tidak perlu susah hati atau memikirkan cara menyelamatkan tanaman setiap kali cuaca tidak menentu terutama ketika musim hujan kerana ia tidak memberi sebarang kesan terhadap tanaman saya, tambahan pula sawit mempunyai risiko rendah terkena serangan penyakit," katanya.

Salimah berkata, beliau kini mendapat bantuan ahli keluarganya menguruskan kebun itu terutama bagi kerja membaja, mencantas pelepah dan mengait buah.

"Kalau kerja ringan seperti meracun, saya boleh buat sendiri. Me-

ngait buah juga semakin mudah selepas saya menerima mesin pemotong iaitu Cantas daripada MPOB. Mesin itu ternyata menjimatkan masa berbanding pengait biasa dan ia juga tidak memetikkan," katanya.

Katanya lagi, sejak mencuburi aktiviti pertanian baru itu empat tahun lalu, setiap hari masanya dihabiskan di kebun yang kini dianggotai rumah kedunya. Berkat ketekunannya, MPOB Sarawak mengaungkerahkan pengiktirafan Pekebun Kecil Sawit Wanita Terbaik kepada Salimah, baru baru ini.

Katanya, dia optimis masa depan pekebun kecil sawit cerah, apabila sektor perladangan sawit diletakkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara dan dijangka akan mencapai pendapatan kasar negara berjumlah RM178 bilion menjelang 2020.

Dengan penyelidikan dan pembangunan berterusan dan disokong dasar strategik MPOB, masa depan sektor perladangan komoditi itu dilihat berupaya mencapai sasaran ditetapkan itu.

Selain itu, skim pekebun kecil berkelompok yang diperkenalkan MPOB di kawasan pedalaman Sarawak akan turut memberi sumbangan kepada peningkatan pengeluaran sawit pada masa depan.

Tanaman sawit secara meluas mula diperkenalkan di Sarawak pada 1989 dan dalam tempoh singkat itu, kira-kira satu juta hektar tanah sudah dibangunkan dengan tanaman berkecambah, sejajar dengan sasaran kerajaan Sarawak untuk memastikan rakyatnya mencapai ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Pendapatan bulanan saya kini antara RM2,000 hingga RM3,000 sebulan

Salimah Kandang
Pengusaha tanaman sawit



MPOB adakan taklimat CoPN siri 2 di Sarawak

Pastikan pengusaha
tapak semaian hasilkan
anak benih berkualiti

ANNOUNCEMENT

MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR 2012 (TOT 2012)



THURSDAY, 14 JUNE 2012
MPOB HEAD OFFICE BANGI, SELANGOR

What is Transfer of Technology (ToT)?

It is the transfer of new technologies from the bench to the market place. It is an annual event and has resulted in many success stories. It contributes towards energizing the industry with new innovations and creates revenue generating opportunities in the palm oil industry. MPOB is the pioneer in this business concept locally.

This effective platform allows participants to:

- Find out about MPOB's latest research outputs for commercialization
- Explore new business opportunities based on R&D finding
- Network with top palm oil industry figures for future collaborative ventures
- Interact with MPOB inventors and scientists
- Adopt new MPOB products, services and technologies for use in their businesses
- Take up new challenge to be a successful entrepreneur
- Be part of Malaysia's lucrative palm oil industry

Who should participate?

- Venture capitalists
- Corporate entrepreneurs
- Small and medium scale entrepreneurs (SMEs)
- Planters/agriculturists
- Engineering professionals
- R&D personnel/scientists
- Food technologies/chemists
- Millers/traders/processors
- Manufacturers
- Anyone associated with the palm oil/palm industry

Event Highlights

- A comprehensive exhibition of MPOB products, services and technologies
- Interactive sessions with inventors
- Presentations by top MPOB researchers
- Complete seminar package inclusive of materials, lunch and refreshment (All these for only RM 50.00)

Registration

Don't miss this great opportunity! Confirm your attendance by mailing the completed Registration Form together with full payment to:

Director-General
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(Attn: Head of Unit, HRD & Conference Management Unit)
Closing Date: 7 June 2012

Enquiries

Registration Enquiries:
HRD & Conference Management Unit, MPOB
• **Rubiah Masri** Tel: 03-87694567
E-mail: rubiah@mpob.gov.my
• **Salmah Hussin** Tel: 03-87694873
E-mail: salmah@mpob.gov.my
Fax: 03-89257549 / 89221743

Technical Enquiries:

Corporate Implementation & Consultancy Unit, MPOB
• **Sakinah Che Embil** Tel: 03-87694574 / 89259172
• **Suraya Muhamad** Tel: 03-87694579
• **Jalaludin Omar** Tel: 03-87694882
E-mail: cicu@mpob.gov.my Fax: 03-89261377

Note: This seminar is open to Malaysian companies and citizens only

REGISTRATION FORM

MPOB Transfer of Technology Seminar 2012 (14 June 2012)

Please confirm your attendance together with payment to Malaysian Palm Oil Board by 7 June 2012

To: Director-General
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(Attn: Head of Unit, HRD & Conference Management Unit)
Tel: 03-87694567 Fax: 03-89257549

- Payment of RM 50.00 to "Malaysian Palm Oil Board" is enclosed (Cheque No : _____)
- Please invoice my organization
Attached with this Registration Form is Local Order to guarantee payment from my organization.

PLEASE REGISTER:

Name: _____ Designation: _____
MyKad No: _____
Organization/Company: _____
Postal Address: _____
Postcode: _____ State: _____
Tel: _____ Fax: _____
E-mail: _____
Signature: _____ Date: _____



PENGUSAHA Tapak Semaian Sawit yang menghadiri taklimat di Sibul, Sarawak.

Oleh Yakup Ibrahim
yakup@mpob.gov.my

SIBU: MPOB Wilayah Sarawak baru-baru ini mengadakan taklimat pelaksanaan Kod Amalan Baik Tapak Semaian Sawit (CoPN) di RH Hotel Sibul, dihadiri oleh seramai 135 peserta terdiri dari pemegang lesen tapak semaian seluruh negeri Sarawak.

Semasa ucapan perasmian taklimat, Ketua MPOB Wilayah Sarawak, Sulim Sumong, berkata objektif pelaksanaan mandatori kod amalan baik tapak semaian sawit (CoPN) tersebut adalah untuk memastikan anak benih yang dihasilkan berkualiti dan dari sumber yang sah.

Beliau berkata, pengusaha tapak semaian berlesen dengan MPOB perlu mendapatkan bekalan biji benih dari pengeluar yang berlesen dan pada masa yang sama perlu mengurus dan menyelenggara pembesaran anak benih mengikut dan mematuhi amalan CoPN yang ditetapkan.

Beliau juga memaklumkan implikasi dari mandatori CoPN ini menyebabkan pembatalan pekeling penguatkuasaan PK (EL) MPOB 04/2006, iaitu Garis Panduan Penyediaan Tapak Semaian dan Pekeling PK (EL) MPOB 03/2009 berkaitan saiz, ketebalan dan jarak susunan polibeg.

Pekeling baru mandatori CoPN ini mula dilaksanakan pada 1 Julai 2012. Dalam pekeling yang baru ini menguatkuasakan umur pokok sawit 4 hingga 11 bulan perlu menggunakan polibeg bersaiz 12" x 15" dengan jarak susunan 0.75m x 0.75m x 0.75m.

Manakala pokok sawit yang berumur 4 hingga 14 bulan, perlu menggunakan polibeg bersaiz 15"x18" dengan jarak susunan 0.9m x 0.9m x 0.9m.

Untuk pokok yang berumur lebih 14 bulan hingga 24 bulan perlu menggunakan polibeg bersaiz 24" x 30" dengan jarak susunan 1.5m x 1.5m x 1.5m.

Pekeling ini juga menekankan penjualan anak benih sawit, per-

lulah berumur 10 bulan ke atas. Jika pengusaha menjual anak benih sawit kurang dari 10 bulan, MPOB tidak akan ragu-ragu untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pengusaha nurseri tersebut.

Semasa sesi taklimat ini tiga kertas kerja telah dibentangkan iaitu kertas kerja pertama Kod Amalan baik tapak Semaian dan Prosedur Permohonan Sijil CoPN, kertas kerja kedua Kesan Jarak susunan dan saiz polibeg ke atas anak benih sawit, dan kertas kerja tiga Ke Arah Memandatorikan Amalan Baik Tapak Semaian.

Ketua Wilayah MPOB Sarawak menegaskan bahawa faedah dari mandatori CoPN ini adalah sebagai langkah bagi mengingatkan pengusaha tapak semaian sawit supaya memastikan amalan menghasilkan anak benih yang berkualiti dilaksanakan bagi memastikan penghasilan buah sawit dapat ditingkatkan sekali gus meningkatkan pengeluaran minyak sawit negara.

Eksport minyak sawit Februari susut 12.6 peratus

Oleh Dayang Nazriza Shahari
dayang@mpob.gov.my

Eksport minyak sawit bulan Februari 2012 merosot sebanyak 12.6 peratus kepada 1,210,754 tan sekali gus meningkatkan jumlah stok komoditi itu sebanyak 2 peratus kepada 2,059,693 tan berbanding bulan lalu.

Import pula meningkat sebanyak 17.7 peratus kepada 246,419 tan. Peningkatan import untuk menampung bekalan minyak sawit tempatan yang terus merosot.

Kemerosotan eksport minyak sawit disebabkan penurunan belian terutama dari negara Mesir, Pakistan, Kesatuan Eropah (EU), Ukraine dan Bangladesh kerana bekalan minyak sayuran negara berkenaan masih mencukupi lanjutan daripada

da kuantiti import yang tinggi pada bulan sebelumnya.

Eksport minyak isirung sawit juga menurun sebanyak 24.6 peratus kepada 74,040 tan disebabkan kurangnya belian terutama oleh Ukraine dan Amerika Syarikat.

Eksport dedak isirung sawit menurun sebanyak 5.8 peratus kepada 192,971 tan disebabkan pengurangan permintaan dari New Zealand.

Walau bagaimanapun, eksport oleokimia pula meningkat sebanyak 7.9 peratus kepada 216,445 tan disebabkan oleh peningkatan belian oleh China dan Amerika Syarikat.

Begitu juga eksport biodiesel meningkat sebanyak 121.1 peratus kepada 11,249 tan disebabkan permintaan meningkat oleh negara EU ekoran daripada harga minyak biji

sesawi yang lebih tinggi berbanding harga minyak sawit untuk pengeluaran biodiesel.

Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) merosot sebanyak 7.9 peratus kepada 1,185,126 tan. Kejatuhan pengeluaran pada bulan ini disebabkan kemerosotan pengeluaran buah sawit sebanyak 11.8 peratus.

Harga purata MSM pada Februari juga merosot sebanyak 2.3 peratus kepada RM3,108.50 satu tan.

Ini disebabkan pengaruh krisis kewangan Euro-zone yang memberi tekanan ke atas pasaran minyak sayuran dunia ditambah pula oleh penurunan prestasi eksport minyak sawit tempatan.

Kadar perahan minyak sawit (OER) sebanyak 20.36 peratus dan harga purata (1 peratus OER) buah sawit ialah RM33.42 satu tan.

Kajian pestisid MPOB patuh piawai EU

2 syarikat antarabangsa iktiraf projek perladangan ikut garis panduan amalan baik makmal

Oleh Norizah Hj Halim
norizah@mpob.gov.my

BANGI: Pada 2011, MPOB mendapat pengiktirafan dua syarikat antarabangsa, Bayer Crop Science AG, Germany dan Eurofins, AES Germany untuk menjalankan kajian lapangan pestisid baru yang akan didaftarkan dan diguna pakai oleh industri sawit di Malaysia.

Kajian Lapangan dijalankan mengikut garis panduan amalan baik makmal untuk ladang ini memenuhi piawai antarabangsa seperti digariskan negara Kesatuan Eropah (EU). Kajian ini dijalankan di

ladang sawit di Melaka, Perak dan Selangor.

MPOB diberi kepercayaan bagi menyediakan tapak kajian yang perlu mengikut kriteria dan peralatan kajian yang ditetapkan oleh prinsip negara EU sehinggalah pemrosesan buah dan isirung sawit bagi menghasilkan minyak mentah menggunakan skala makmal.

Selain itu, aktiviti persampelan dijalankan bersama konsultan dan pegawai kawalan kualiti dari Eurofins untuk memastikan kajian lapangan tersebut mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh amalan baik makmal.

Tujuan kajian lapangan berkenaan dijalankan untuk mendapatkan data residu pada buah sawit lera, isirung sawit dan minyak sawit mentah. Keputusan daripada data residu yang memenuhi syarat amalan baik makmal untuk analisis seterusnya pula akan diguna pakai untuk menetapkan paras maksimum residu (MRL) di dalam komoditi berkenaan.

Hasil dari kajian itu memberi manfaat besar kepada industri sawit di mana minyak sawit sebagai sumber makanan utama dunia dapat di eksport ke pasaran dunia terutamanya pasaran EU sekiranya memenuhi syarat iaitu tidak me-

lebih paras maksimum residu yang ditetapkan.

Racun rumpai pracambah baru ini dikatakan sangat berkesan mengawal pelbagai rumpai sama ada rumpai daun tirus mahupun rumpai daun lebar dan memberi kesan kawalan yang jauh lebih lama dibandingkan amalan penanam sawit sekarang. Ia juga dapat memberi manfaat kepada penanam sawit dengan mengurangkan bilangan aplikasi setahun.

Kolaborasi MPOB dengan dua syarikat antarabangsa EU ini memberi pengiktirafan sangat besar di mana pengalaman menjalankan kajian ini telah meningkatkan lagi

kepakaran MPOB.

Kini, khidmat rundingan dan nasihat MPOB dalam melaksanakan amalan baik makmal untuk kajian lapangan menjadi rujukan agensi kerajaan lain contohnya seperti Jabatan Pertanian Malaysia dan Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI).

Data yang di hasilkan dari kajian lapangan yang mengikut amalan baik makmal adalah menjadi syarat penting untuk keselamatan makanan yang boleh diterima pakai oleh Negara EU bagi menentukan had maksimum residu dalam produk makanan yang di import.

BERITA RINGKAS

Bantuan tanam semula RM9,000 sehektar

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok berkata, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM297 juta di bawah NKEA bagi tempoh 2011 hingga 2013 bagi membantu pekebun kecil melaksanakan penanaman semula sawit. Di bawah program ini, bantuan sebanyak RM9,000 sehektar disediakan melalui MPOB bagi pekebun kecil di Sabah dan Sarawak. Bantuan ini diberi dalam bentuk bekalan anak benih sawit berkualiti, input pertanian dan bimbingan khidmat nasihat bagi pengurusan tanaman mengikut Amalan Pertanian Baik. Di samping itu, pekebun kecil yang layak berpeluang menerima Bantuan Penyelenggaraan Kebun sebanyak RM500 sebulan selama dua tahun.

Sawit rangsang ekonomi Sabah

Kerajaan Sabah bergantung kepada sektor sawit bagi merangsang ekonomi negeri, kata Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri menubuhkan Kelompok Industri Minyak Sawit (POIC) di Lahad Datu dan Sandakan. POIC terus menjadi daya tarikan utama kepada pelabur tempatan dan luar negara untuk melabur di Sabah. Industri sawit dikenal pasti sebagai antara sumber pendapatan terbesar negeri di bawah sektor pertanian yang akan terus diberikan tumpuan oleh kerajaan di bawah rancangan pembangunan negeri. Sabah akan mendokong inisiatif Kerajaan Persekutuan untuk beralih kepada projek menghasilkan produk yang mempunyai nilai tambah dan perkhidmatan dari sumber minyak sawit.

3,500 kilogram minyak masak dirampas

3,500 kilogram minyak masak sawit dirampas di Macang Bubok, Butterworth, Pulau Pinang kerana menyimpan komoditi itu di premis tidak berlesen dengan Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Siasatan sedang dijalankan bagi menentukan sama ada minyak masak itu minyak bersubsidi atau untuk kegunaan industri. Siasatan juga mendapati syarikat berkenaan sejak dua tahun lepas tidak pernah didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Siasatan lanjut sedang dijalankan bagi mengesah pemilik premis berkenaan dan kes itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sektor komoditi penentu pertumbuhan

Sektor komoditi utama negara yang diterajui oleh sektor minyak sawit akan terus menjadi penentu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini berdasarkan laporan oleh Standard Chartered Bank. Harga minyak sawit dijangka meningkat kepada RM3,450 setan tahun ini berbanding RM3,216 tahun 2011. Minyak sawit, getah dan gas asli cecair (LNG) menyumbang 70 peratus daripada pertumbuhan eksport lapan peratus Malaysia bagi Sembilan bulan pertama 2011. Laporan itu juga menyebut, peningkatan harga komoditi secara tidak langsung menjadi penampan ekonomi domestik ketika berdepan ketidakpastian ekonomi luar negara.

Orang Asli Labis tanam sawit

Sebanyak 500 keluarga orang Asli di kampung Sri Tempayan, Kudung, Tamuk, Kemidak dan Salai dalam daerah Labis, Johor mengusahakan tanaman sawit sejak beberapa tahun lepas telah mulai menikmati hasil dari jualan tandan segar kepada peniaga dan kilang berhampiran. Ketua Kampungnya, Asoi Liem Tian Chin, berkata dengan tanaman sawit itu, penduduk orang Asli di sini berupaya meningkatkan pendapatan dan sudah tidak lagi bergantung kepada hasil hutan sebagai punca pendapatan. Beliau memohon pihak berkuasa supaya membaiki dan membina jalan yang lebih baik bagi memudahkan pengangkutan hasil sawit dan perhubungan dengan kawasan Bandar.

TAWARAN MENYERTAI KURSUS PENGURUSAN & PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT 2012

Orang ramai terutama pengusaha tapak semaian sawit seluruh negara dipelawa untuk menyertai kursus tersebut yang akan diadakan seperti dibawah:

OBJEKTIF KURSUS

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut piawaian yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang keperluan dan standard yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam semaian sawit.

SYARAT PENYERTAAN

- Warganegara Malaysia
- Boleh menulis dan membaca Bahasa Malaysia
- Sihat tubuh badan
- Umur tidak kurang 18 tahun

KANDUNGAN KURSUS

Syarah dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah dan jurulatih yang berkelayakan dan pakar dalam tajuk-tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

TAJUK KURSUS ADALAH:

- Aspek Ekonomi Nurseri Sawit
- Pengawalseliaan Nurseri Sawit
- Pengurusan Nurseri Sawit
- Kod Amalan Baik Nurseri untuk Nurseri Sawit (CoPN)
- Latihan amali di nurseri sawit bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang betul.

TARIKH DAN JANGKA MASA KURSUS

Wilayah Sabah, Sabah
(8 - 9 Mac 2012)

Wilayah Sarawak, Sarawak
(17 - 18 April 2012)

Wilayah Timur/Selatan
(10 - 11 Julai 2012)

Wilayah Utara
(11 - 12 Sept 2012)

Wilayah Tengah
(16 - 17 Okt 2012)

(Tertakluk kepada pindaan)

YURAN PENYERTAAN

RM 500. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draf atau kiriman wang pos atas nama KETUA PENGARAH MPOB.

BORANG PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan bagi setiap wilayah adalah dua minggu sebelum kursus bermula.

PERTANYAAN

Untuk penyertaan lanjut, sila hubungi;

• Pn Hjh Azizah Lockman
No. Tel : 03-89267046 atau
03-87694568 Faks : 03-89257549
E-mel : azizah@mpob.gov.my

• Nornadiya Yunus
No. Tel : 03-8769 4870
Faks : 03-8925 7549
E-mel : nornadiya@mpob.gov.my





Penyerapan gas rumah hijau ladang sawit

Sektor LULUCF di Malaysia serap bersih pencemaran GRH

Hutan memainkan peranan yang penting untuk menyerap gas karbon dioksida yang dijana oleh aktiviti-aktiviti yang berkaitan. Di Persidangan Kemuncak Dunia 1992 di Rio de Janeiro, Malaysia telah mengisytiharkan bahawa sekurang-kurangnya 50% keluasan tanahnya akan dikembalikan sebagai hutan simpan kekal. Sehingga kini, kawasan hutan masih meliputi 55% keluasan tanah negara. Pada tahun 2000, jumlah pencemaran gas rumah hijau (GRH) di Malaysia adalah bersamaan dengan 223.1 juta tan karbon dioksida (CO₂) manakala jumlah penyingkirannya adalah bersamaan dengan 249.8 juta tan CO₂. Kesemua GRH ini diserap oleh sektor Land Use and Land Use Change and Forestry (LULUCF) yang hampir keseluruhannya dirangkumi oleh kawasan hutan dan ladang sawit (lihat Rajah 1). Ini menunjukkan pada tahun 2000, Malaysia adalah negara penyerap bersih GRH dengan jumlah penyerapan bersamaan dengan 26.7 juta tan CO₂.

Pencemaran GRH dari penebangan hutan dan perubahan penggunaan tanah untuk tujuan pengeluaran minyak sawit, getah, kayu balak, beras dan lain-lain komoditi pertanian telah dikurangkan oleh keupayaan penyerapan oleh sektor LULUCF. Yang paling penting, kapasiti penyingkiran GRH oleh sektor perladangan sawit sahaja, yang bertindak seperti hutan, adalah lebih daripada mencukupi untuk menyerap kesemua GRH (35.6 juta tan CO₂) yang dihasilkan melalui perubahan penggunaan tanah, termasuk pembersihan tapak untuk penanaman sawit dan tanaman pertanian yang lain.

Walau bagaimanapun, Malaysia, seperti negara-negara maju yang lain, telah menunjukkan peningkatan di dalam pengeluaran CO₂ semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini disebabkan oleh peningkatan penggunaan bahan api fosil oleh sektor tenaga dan pengeluaran di Malaysia. Pengeluaran keseluruhan CO₂ di Malaysia telah meningkat daripada 223.1 juta tan pada 2000 kepada 292.9 juta tan pada 2007. Pengeluaran CO₂ dari sektor tenaga juga telah meningkat daripada 147 juta tan pada 2000 kepada 217.0 juta tan pada 2007. Bagaimanapun, pengeluaran CO₂ dari sektor-sektor lain telah berkurangan secara amnya dari sudut peratusan. Malah, pengeluaran CO₂ dari sek-

tor LULUCF turut berkurangan dengan ketaranya disebabkan penebangan hutan yang telah menurun. Disebabkan oleh peningkatan penggunaan tenaga yang seiring dengan kenaikan pendapatan ekonomi, Malaysia telah menjadi negara pengeluaran bersih karbon dengan jumlah pengeluaran sebanyak 45.9 juta tan pada 2007, meraihi status yang sama seperti kebanyakan negara-negara yang lain. Bagaimanapun, aras pencemaran karbon ini adalah kecil mengikut piawaian antarabangsa.

Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA) Amerika Syarikat telah melakukan kesilapan apabila ia mengumumkan bahawa biodiesel sawit menghasilkan pencemaran GRH bersamaan dengan 83% da-




Biodiesel sawit sememangnya mampu mengurangkan pencemaran CO₂ lebih daripada 100 peratus berbanding bahan api fosil. Malah, minyak sawit adalah sumber yang boleh diperbaharui dan pokoknya mampu menyerap CO₂ dengan berkesan seperti hutan

ripada jumlah pencemaran CO₂ yang dihasilkan oleh minyak diesel. Ini menunjukkan bahawa peratusan penjimatan pencemaran GRH oleh biodiesel sawit hanya 17% berbanding dengan diesel. Hanya biodiesel yang mempunyai nilai penjimatan 20% atau lebih akan diluluskan kegunaannya oleh EPA sebagai bahan api bio di bawah ketetapan Piawaian Bahan Bakar yang Boleh Diperbaharui (RFS). Pengumuman EPA ini dilihat menggugat pasaran minyak sawit di Amerika Syarikat.

INFO

RAJAH 1: PELEPASAN & PENYINGKIRAN GAS RUMAH HIJAU DI MALAYSIA



EPA telah mengandaikan bahawa perubahan penggunaan tanah secara tidak langsung untuk penanaman sawit menyebabkan penebangan hutan yang menghasilkan CO₂ sehingga 57% daripada jumlah keseluruhan pencemaran untuk menghasilkan 1 tan biodiesel sawit. Andai sah ini menyebabkan penjimatan pencemaran dari minyak sawit berkurangan kepada 17% berbanding dengan pencemaran yang dihasilkan oleh bahan api fosil.

pengiraannya adalah ternyata salah. Ini dianggap 'pengiraan dua kali' dan tidak adil kepada minyak sawit.

Pengiraan EPA kelak akan mendorong kepada penebangan kawasan hutan secara besar-besaran di Amerika Syarikat. Ini tidak dapat dielakkan kerana pengeluaran minyak kacang soya tidak mampu mencapai sasaran pengeluaran biodiesel di Amerika Syarikat pada tahun 2022. Bagaimanapun, jika minyak sawit diimport ke Amerika Syarikat, sebahagian besar kawasan hutan tersebut dapat diselamatkan. Ini kerana setiap hektar tanaman sawit mampu menghasilkan 10 kali ganda lebih banyak minyak berbanding tanaman soya. Oleh itu, setiap tan minyak sawit yang diimport ke Amerika Syarikat untuk dijadikan bahan bakar bio mampu menyelamatkan 2.5 hektar kawasan hutan di Amerika Syarikat daripada ditebang untuk penanaman kacang soya.

Nilai penjimatan pencemaran melalui penebangan hutan yang 'boleh dielakkan' ini patut diambil kira juga di dalam pengiraan jumlah keseluruhan penjimatan pencemaran GRH oleh biodiesel sawit. Jika ini diambil kira, penjimatan sebenar jumlah pencemaran untuk biodiesel sawit akan menjangkaui 100 peratus berbanding dengan minyak diesel.

Oleh itu, jika Amerika Syarikat mengimport biodiesel sawit untuk memenuhi sasarannya pada masa hadapan, penyingkiran bersih karbon secara global bagi setiap tan minyak sawit yang digunakan akan tercipta. Pengeluaran minyak sawit di Malaysia menjadi 'penyerap bersih karbon', dan apabila minyak sawit digunakan di Amerika Sya-

rikat, ia dapat mengelakkan penebangan hutan secara besar-besaran di negara itu untuk menghasilkan minyak kacang soya yang mencukupi untuk memenuhi sasaran bahan bakar bio, seterusnya hutan yang terselamat itu dapat terus kekal berfungsi menyerap CO₂ dari atmosfera.

Kesimpulannya, EPA telah menggunakan model perubahan penggunaan tanah tidak langsung yang salah di dalam pengiraan pencemaran karbon dari minyak sawit. Ia juga gagal mengambil kira dasar Malaysia yang memulihara sebahagian besar kawasan hutannya sebagai ejen penyingkiran pencemaran yang terhasil daripada aktiviti-aktiviti ekonominya. Pemahaman lemah terhadap fisiologi sawit juga menghalang EPA daripada mengambil kira keupayaan tinggi penyingkiran karbon oleh sawit.

Biodiesel sawit sememangnya mampu mengurangkan pencemaran CO₂ lebih daripada 100 peratus berbanding bahan api fosil. Malah, minyak sawit adalah sumber yang boleh diperbaharui dan pokoknya mampu menyerap CO₂ dengan berkesan seperti hutan. Penggunaan biodiesel sawit di Amerika Syarikat juga boleh mengelakkan risiko penebangan hutan secara besar-besaran di Amerika Syarikat dan hutan yang terselamat ini boleh terus kekal menyerap pencemaran CO₂ di benua itu.

Artikel ini telah diterjemah daripada artikel asal bertajuk 'Indirect Land Use Change, Green House Gas Emission and Trade Protectionism'. Sila layari <http://www.ceopalmoil.com> untuk salinan asal artikel ini.

Tohmahan tidak berasas terhadap industri sawit

Industri sawit adalah komoditi utama dan penyumbang keempatan ekonomi Malaysia. Perannya amat penting dalam meningkatkan ekonomi Malaysia dan Asia Tenggara. Industri ini sentiasa berusaha memenuhi bekalan makanan penduduk dunia yang semakin meningkat. Dalam kemegahan sebagai pengeksport minyak sawit dunia, masih terdapat tohmahan yang harus ditangani.

Dunia melalui kerajaan dan NGO berkepentingan terus mengasak industri ini. Barat memberi tanggapan negatif terhadap kualiti dan khasiat minyak sawit. Kesatuan Eropah mensyaratkan dipenuhi 'sustainability criteria' sebelum mengeksport ke negara EU. Dalam rundingan FTA dengan EU, industri sawit dikaitkan dengan kelestarian pembangunan alam sekitar. Pengeksporan minyak sawit tidak mesra alam, operasi pengilangan sawit mencetuskan pencemaran dan pelepasan gas rumah hijau (GHG) merubah cuaca. Tanaman sawit dan pembukaan ladangnya memusnahkan spesies dan habitat hutan. Pembukaan tanah untuk penanaman sawit menyebabkan pelepasan karbon dioksida. Semua ini bertujuan meningkatkan tahap persaingan daripada produk yang bersaing dengan minyak sawit. Juga sebagai jalan pintas NGO bagi mengumpul dana dari penyokong mereka yang tidak arif mengenai perkara sebenar.

Kerajaan melalui MPOB dan MPOC bertanggungjawab terhadap industri sawit terus memainkan peranan dengan cemerlang dan dihormati di persada antarabangsa. Kita berjaya menangkis tanggapan dan tohmahan tersebut dan terus merencanakan pertumbuhan industri sawit negara secara mampan.

Isu-isu ini timbul berpunca daripada salah faham mengenai industri sawit negara. Pelbagai sesi penerangan, perbincangan, de-

PEMENANG PERTAMA
Raziq Hamizan bin Dunan
(K/P: 951110-14-5045)
SM Teknik Kuala Lumpur,
Bandar Tun Razak, 56000
Cheras, Kuala Lumpur.

monstrasi, pameran dan persidangan dijalankan bagi membetulkan tanggapan tersebut. Fakta-fakta berkaitan diketengahkan sebagai bukti mengukuhkan hujah. Ia amat berkesan dalam memberi gambaran tepat dan sekali gus menepis tanggapan serong itu.

Apakah minyak sawit menjejaskan kesihatan dan punca penyakit jantung kerana kandungan lemak tepu yang tinggi? Tanggapan ini diperbetulkan apabila penyelidik negara membuktikan sebaliknya melalui kajian dan percubaan berterusan. Produk sawit memang baik dan selamat untuk kesihatan. Ia bebas daripada bahan kimia. Ia juga berkhasiat sebagai sumber makanan dan kosmetik.

Barat sering melaungkan pembukaan ladang sawit dan tanaman sawit memusnahkan spesies dan habitat hutan. Hakikatnya kerajaan mencari jalan penyelesaian dengan pelbagai dasar bersepadu. Bagi setiap hektar tanah dibangunkan untuk pengeluaran minyak sawit, empat hektar tanah dipulihara sebagai kawasan hutan simpan kekal. Kerajaan memperuntukkan puluhan juta ringgit untuk Tabung Pemuliharaan Haiwan Liar Minyak Sawit Malaysia dan hutan simpan. Program dijalankan berjaya memberi kesedaran dan mendidik masyarakat mengenai warisan hidupan liar, melindungi spesies dan habitatnya.

Banyak pihak tidak memahami pendekatan Malaysia melaksana dan menguruskan industri sawit. Mereka bertindak membuta tuli dengan menyamakan pembangunan

industri sawit Malaysia dengan negara lain. ada juga tidak mengetahui Orang Utan terdapat di Borneo. Pembukaan ladang sawit di Semenanjung sebenarnya tidak menjejaskan langsung habitat itu. Di Sabah dan Sarawak, lebih separuh keluasan tanah telah diwartakan sebagai hutan simpan untuk kesinambungan generasi, spesies dan habitat sedia ada.

Industri sawit Malaysia sentiasa berpegang teguh kepada undang-undang berkaitan penggunaan tanah dan hidupan liar. Polisi penggunaan tanah secara berhemah ini adalah rekod bukti undang-undang dihormati walau di mana saja operasi sawit dilaksanakan.

Sememangnya kita tidak bersestuju dengan dakwaan pelepasan karbon dari pembukaan tanah bagi penanaman sawit. Banyak punca lain seperti kilang, kenderaan terutama di negara maju yang boleh dikaitkan dengan isu ini. Badan saintifik yang pakar dalam tanah digerakkan bagi mengkaji kesan baik dan buruk alam sekitar serta ekologi seterusnya memberi penyelesaian demi kesejahteraan sejagat.

Pelepasan GHG dan pencemaran dari kilang sawit sering dikaitkan dengan perubahan iklim dunia. Pembabit kilang sawit menghasilkan bio gas dari sisa buangan kilang meningkatkan imej industri sawit. Amalan kilang ini adalah bukti penghasilan minyak sawit dilakukan secara mampan menggunakan teknologi hijau dan mesra alam.

Perkembangan isu-isu berkaitan minyak sawit sentiasa dipantau oleh MPOB dan MPOC. Risikan awal ini memberi kesan dalam menangani ekonomi negara daripada disabotaj dan sentiasa bersedia membetulkan fakta yang diputarbelitkan. Langkah ini seterusnya memastikan industri sawit negara terus berdaya saing dan berkembang maju.

Peraduan mengarang esei Berita Sawit April 2012

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk diberikan:

Tajuk: "Penubuhan koperasi untuk pekebun kecil sawit beri manfaat kepada industri sawit. Bincangkan"

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

- Hadiah Pertama: RM250
- Hadiah Kedua: RM200
- Hadiah Ketiga: RM150

Esei berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita

Sawit keluaran Mei 2012.

Syarat Penyertaan:

Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada). Keputusan juri adalah muktamad. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 April 2012.

Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi,
Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Mac 2012

Pemenang:

Hadiah Pertama
Raziq Hamizan bin Dunan
(K/P: 951110-14-5045)
SM Teknik Kuala Lumpur,
Bandar Tun Razak,
56000 Cheras,
Kuala Lumpur.
Hadiah Kedua
Amin Khalili bin Yusoff
(K/P: 980310-14-5755)
SMK Batu Muda,
Kg. Batu Muda,
51100 Kuala Lumpur

Hadiah Ketiga
Muhammad Arif Azahari Zailani
(K/P: 970328-11-5061)
SMS Hulu Terengganu,
27000 Kuala Berang,
Hulu Terengganu, Terengganu

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 16



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 23 April 2012
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, nombor telefon, alamat rumah dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
Ketua Pengarang Berita Sawit
Kuiz Sawit (Siri 16)
Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor
(UP: Noor Asmawati Abdul Samad)

SOALAN KUIZ 15

1. Apakah singkatan bagi MPOB?
 Malaysian Palm Oil Board Malaysian Palm Oil Berhad
 Malaysian Palm Oil Bangi
2. Dimanakah letaknya Ibu Pejabat MPOB?
 Bangi Kuala Lumpur Petaling Jaya
3. Berapakah jangka hayat optima sebatang pokok sawit?
 25 tahun 10 tahun 5 tahun
4. Nyatakan timbangan berat bagi buah sawit
 Kilo Tan Gram
5. Apakah vitamin yang terdapat dalam minyak sawit
 Vitamin B Vitamin C
 Vitamin A dan E
6. Kursus ini mampu melahirkan pekerja mahir ladang sawit. Apakah nama kursus tersebut?
 Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML)
 Kursus Ladang Sawit
 Kursus Sawit
7. Minyak sawit boleh menghasilkan santan
 Betul Salah
8. Marjerin dihasilkan dari minyak sawit
 Betul Salah
9. Minyak sawit adalah minyak sayuran
 Betul Salah
10. Batang sawit tidak sesuai bagi menghasilkan perabut
 Betul Salah

NAMA PEMENANG SIRI 15

- | | |
|--|---|
| 1. Mohamed Firdaus Talib
SK Sura Dungun, Dungun, Terengganu | 6. Muhammad Kamil Mohd Khari
SK Balok, Kuantan, Pahang |
| 2. Nurul Jannah binti Talib
SK Sura Dungun, Dungun, Terengganu | 7. Nurul Hidayah binti Maktob
SK Islam Al Farabi, Klang, Selangor |
| 3. Syasya Nurina binti Shahrul Izwan
SK Gangsa, Hang Tuah Jaya, Durian Tunggal, Melaka | 8. Nurin Fatimah Zulkifly
SK Sg. Binjai, Klang, Selangor |
| 4. Ahmad Yusof Khan bin Anuar
SK Tedong, Merlimau, Melaka | 9. Erbina Sofea Zairul Nizar
SK Taman Paroi Jaya, Seremban, Negeri Sembilan |
| 5. Muhammad Afiq Hazim Abd Aziz
SK Sultan Ibrahim (I), Pasir Mas Kelantan | 10. Mohamad Adam Farhan
SK St Anthony, Teluk Intan, Perak |

BORANG PENYERTAAN

- Nama :
- Tahap :
- Alamat Sekolah:
- No. Tel:
- Alamat rumah:



TAN SRI Bernard Dompok mencedok ais krim berasaskan sawit yang disediakan di gerai pameran MPOB semasa Program Hello Komoditi di Putatan, Sabah. Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha MPIC, Sanuri Shahid (kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) Ahmad Sidek Stroo (tiga dari kanan).



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob menerima replika cek Skim Insentif Tanam Semula Sawit (SITS) bagi pihak Felda Rentam, Benta, Pahang daripada Pengarah Bahagian Kewangan dan Pengurusan MPOB, Mohammad Nor Ab Rahman.



DATO' Hamzah Zainudin menyediakan bahan bagi membuat muffin berasaskan sawit semasa Program Hello Komoditi di Bagan Serai, Perak. Turut kelihatan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat dan Khidmat Korporat, Dr Burhanuddin Abd Salam (empat dari kanan).



DATUK Dr Choo Yuen May bersama Penasihat Khas kepada Presiden Korea, Kim Deong Ryong semasa melawat MPOB baru-baru ini.



DATUK Dr Choo Yuen May mempengerusi sidang Sesi Plenary 2: Lauric Oils, Biodiesel and Oleochemical Price Outlook sempena Palm Oil Conference (POC) 2012 di Kuala Lumpur baru-baru ini.



TIMBALAN Ketua Pengarah (Penyelidikan), Dr Ahmad Kushairi Din bersama melawat luar negara, Anyaku Kelechi dari Nigeria semasa melawat MPOB bagi meneroka peluang pelaburan.



DATUK Dr Choo Yuen May bersama pelajar IMPAC yang baru mendaftar bagi menjalani Kursus Diploma Intensif Pengurusan Perladangan dan Teknologi Sawit (IDOPMT) di Ibu Pejabat MPOB.